NO. SOALAN: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8241

SOALAN:

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang dilakukan terhadap rakyat Malaysia yang melarikan diri ke luar negara tetapi dalam masa yang sama menghentam dan melakukan provokasi terhadap isu-isu sensitif negara. Adakah Kementerian bercadang bekerjasama dengan Interpol bagi menahan individu-individu tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius tindakan sesetengah rakyat Malaysia yang melarikan diri ke luar negara tetapi dalam masa yang sama melakukan provokasi yang menyentuh isu-isu sensitif negara. Bagi saya, tindakan sebegini adalah satu tindakan yang sama sekali tidak bertanggungjawab dan pengecut.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menangani isu ini, Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membawa balik individu-individu berkenaan ke Malaysia untuk dibicarakan mengikut undang-undang yang berkaitan, termasuklah Akta Hasutan 1948. Antara tindakan yang boleh diambil adalah:

i) membuat permintaan ekstradisi kepada negara-negara berkenaan terutamanya negara yang mempunyai triti ekstradisi dengan Malaysia;

ii) menarik balik dan membatalkan pasport Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen bagi menyekat pergerakan individu berkenaan;

iii) **menyenaraikan nama individu berkenaan di dalam senarai orang dikehendaki INTERPOL (*red notice*); dan**

iv) **mengambil tindakan undang-undang sejurus selepas individu berkenaan kembali ke Malaysia.**

Tuan Yang di-Pertua,

Perbuatan sebegini adalah satu kesalahan yang serius yang jelas mencabar undang-undang negara ini. Saya berharap rakyat Malaysia yang cintakan Negara ini tidak melakukan perbuatan yang mencemar institusi utama negara.